RINGGIT

EDISI OGOS 2016

RAKAN KEWANGAN ANDA



Empat Halangan Terbesar Simpanan Persaraan Anda



Lebih 64,247 penduduk luar bandar berjaya ditawan 'MobileLINK'



Apa Yang Anda Perlu Tahu Untuk Menjadi Pengguna Kewangan Yang Bijak (Bhg 3)

JANGAN

Jadi Mangsa Penipuan Skim Pelaburan!

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
F O M C A

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

JANGAN Jadi Mangsa Penipuan Skim Pelaburan!



"Jangan tertipu dengan nama skim pelaburan hanya kerana ia kelihatan menarik atau profesional. Broker profesional, penasihat pelaburan dan ejen insurans harus mendaftar dengan pihak berkuasa."

Salah satu matlamat pelaburan yang sukar untuk dikecapi ialah pelaburan yang menawarkan pulangan yang tinggi, tetapi dengan risiko yang rendah. Namun, masih ramai yang menjadi mangsa kepada penipuan skim pelaburan. Kebanyakan individu yang menjalankan penipuan pelaburan menjanjikan keuntungan yang tinggi dalam masa yang cepat kepada mangsa mereka.

Penipuan pelaburan biasanya sangat meyakinkan dan menggunakan berbagai taktik. Jangan jadi mangsa, ketahui cara untuk mengenali dan tanda-tanda skim penipuan pelaburan seperti yang dinyatakan di bawah:

Panggilan Telefon Menawarkan Skim Pelaburan

Berjaga-jaga sekiranya anda menerima panggilan telefon daripada individu yang **tidak dikenali** dan menawarkan skim pelaburan yang menjanjikan **keuntungan besar**. Sering kali individu tersebut akan cuba meyakinkan anda dengan mengatakan bahawa "tawaran ini terhad untuk sekian waktu", namun jangan tertipu. Mereka sebenarnya sudah dilatih meyakinkan anda untuk **mendaftar segera** dan sering kali **mendesak**. Oleh itu, tetapkan pendirian anda sekiranya anda menerima panggilan telefon sedemikian dan kata sahaja bahawa anda tidak berminat, kemudian letakkan telefon.

Semak Latar Belakang Skim Pelaburan Tersebut

Jangan tertipu dengan nama skim pelaburan hanya kerana ia kelihatan menarik atau profesional. Broker profesional, penasihat pelaburan dan ejen insurans harus mendaftar dengan pihak berkuasa. Oleh itu, sebelum anda bersetuju untuk memberikan wang anda kepada mana-mana pihak untuk dilaburkan, anda seharusnya membuat semakan terlebih dahulu sama ada individu atau syarikat tersebut telah didaftarkan.



Anda juga boleh menyemak senarai syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di laman sesawang *www.bnm.gov.my* dan *www.sc.com.my*. Setakat Julai 2016, sebanyak 272 syarikat telah disenaraikan oleh Bank Negara Malaysia.

Jangan Terpedaya Kerana Ramai Yang Menyertai

Pihak yang cuba meyakinkan anda mungkin akan berkata bahawa ramai yang telah menyertai skim pelaburan tersebut dan akan cuba memperdaya anda untuk turut serta. Jangan terperdaya dengan alasan tersebut.

Selain itu, **skim piramid** merupakan skim yang **paling popular**. Skim piramid berfungsi apabila anda perlu merekrut individu di bawah anda. Lebih ramai orang yang berjaya direkrut, maka lebih banyak wang yang anda akan dapat. Janji yang biasa diberikan ialah **anda boleh menjana wang yang banyak walaupun anda bekerja dari rumah**. Mangsa yang mempercayai tipu helah mereka itu akan **merekrut rakan serta ahli keluarga** mereka kemudiannya. Tetapi hakikatnya, pelaburan sebenarnya tidak wujud. Apabila tiada lagi

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملىسيا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

rekrut baharu, maka tiada wang yang dijanakan. Mangsa kemudian akan sedar tiada pulangan yang akan didapati daripada wang yang telah dilaburkan. Pihak yang terlibat dalam penipuan skim pelaburan pula akan menghilangkan diri berserta wang yang telah dilaburkan oleh mangsa.

Pelaburan Tiada Tarikh Luput

Berjaga-jaga sekiranya anda dijanjikan dengan skim pelaburan yang memberikan pulangan tinggi, tetapi diberitahu bahawa ia mempunyai tarikh luput. Anda diminta untuk melabur dengan kadar segera kerana ia tawaran terhad. Ini juga merupakan salah satu taktik yang sering digunakan.

Taktik menjanjikan cepat kaya merupakan taktik yang juga biasa digunakan. Selain menjanjikan pelaburan dengan risiko rendah atau tanpa risiko, anda akan mendapat pulangan yang tinggi. Anda perlu ketahui bahawa setiap pelaburan mempunyai risiko. Jangan terpedaya sekiranya mereka menjanjikan skim cepat kaya atau pelaburan tanpa risiko.

Rasa Terhutang Budi

Siapa yang tidak suka mendapat barang percuma, bukan? Namun, anda perlu memastikan bahawa pemberian barang percuma tersebut tidak terikat pada apa-apa syarat. Sekiranya anda rasa terhutang budi untuk membalas setelah mendapat pemberian percuma, jangan menerima pemberian tersebut. Salah satu cara lain penipuan skim pelaburan adalah, melalui pemberian percuma kemudian membuat penerima tersebut rasa bersalah kerana menerima barang percuma tanpa memberikan apa-apa pulangan. Seterusnya, anda mungkin mendapati bahawa anda perlu melakukan sesuatu setelah menerima pemberian percuma daripada skim pelaburan tersebut.

Didik Diri Anda

Ilmu memberikan anda kuasa. Hal ini disebabkan lebih banyak pengetahuan anda, maka lebih mudah pemahaman anda. Ketahui lebih lanjut tentang pelaburan dan juga cara-cara untuk mengenal pasti penipuan pelaburan. Melalui cara ini, anda boleh melindungi diri anda serta ahli keluarga anda daripada menjadi mangsa penipuan skim pelaburan.

Penipuan skim pelaburan mempunyai berbagai taktik dan cara. Namun, satu **cara yang sering kali digunakan adalah melalui janji pulangan keuntungan yang sangat tinggi**. Ramai yang masih menjadi mangsa kepada penipuan skim pelaburan kerana sikap tamak dan inginkan keuntungan tinggi pada masa yang singkat. Berfikirlah secara bijak dan jangan mudah menjadi mangsa.

Sumber: CompareHero.my





4 Halangan Terbesar Simpanan Persaraan Anda

Perancangan persaraan merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian khusus. Sama ada anda suka atau tidak, persaraan pasti akan tiba. Tempoh bekerja ini sepatutnya digunakan sebaik-baiknya untuk menjana pendapatan persaraan anda. Banyak laporan menyatakan bahawa caruman KWSP berkemungkinan tidak mencukupi untuk menampung sepenuhnya keperluan kewangan ketika bersara kelak. Oleh itu, inisiatif sendiri perlu diambil dengan menyimpan lebih banyak secara sukarela, antaranya melalui Skim Persaraan Swasta (PRS).

Seandainya anda sudah mempunyai niat untuk membuat simpanan tambahan bagi persaraan, anda sudahpun memulakan langkah pertama untuk menjamin masa hadapan anda. Namun, perancangan sahaja belum mencukupi. Pakar-pakar ekonomi telah membuat kajian mendalam mengenai sikap dan tingkah laku seseorang dalam merancang kewangan peribadi. Terdapat empat ciri yang dikenal pasti menjadi halangan terbesar untuk menyimpan secara konsisten untuk tujuan persaraan.

1. Inersia

Inersia bermaksud **tiada ketekunan atau malas mengambil tindakan**. Hal ini merupakan suatu sikap yang membuatkan seseorang sukar untuk mengikis gaya hidup suka berbelanja untuk keperluan dan kehendak semasa sahaja. Bagi seseorang yang ingin mengubah diri daripada terus tergolong dalam golongan inersia, maka beliau perlu komited dan mempunyai motivasi diri yang tinggi dalam memikirkan masa hadapan.

2. Tiada atau kurang kawalan diri

Pepatah Melayu ada menyatakan, 'besar periuk maka besarlah keraknya', yang menggambarkan lebih besar pendapatan, maka lebih besarlah perbelanjaannya. Tidak dinafikan bahawa ada baiknya untuk 'memanjakan diri' sekali-sekala dengan memberikan ganjaran kepada diri sendiri, tetapi perlu diingat sekiranya sikap ini tidak dikawal, sudah pasti ia akan menjebakkan anda kepada masalah keborosan yang melampau. Sikap sedemikian telah menyebabkan ramai yang hidup di luar kemampuan, sehingga terpaksa berhutang, semata-mata untuk mengekalkan gaya hidup mewah. Inilah yang menjadi penyebab kenapa ramai memberikan alasan seperti, "Saya tidak mampu untuk menyimpan lebih banyak untuk persaraan." Hakikatnya, gaya hidup anda sendiri yang sebenarnya menyempitkan ruang untuk simpanan persaraan.

3. *'Present bias'*

Seterusnya ialah tingkah laku *'present bias'*, iaitu **kecenderungan untuk memberikan lebih perhatian kepada berbelanja untuk kegunaan harian** dan mengorbankan matlamat jangka panjang. Secara mudahnya, falsafah hidup mereka yang berada dalam golongan ini tidak ubah seperti 'hiduplah untuk hari ini dan biarlah hari esok datang'.

4. Berlengah-lengah

Menunda-nunda atau menangguhkan simpanan merupakan satu lagi halangan utama untuk menyimpan bagi persaraan. Ramai yang suka mengamalkan sikap bertangguh sehingga usaha memulakan simpanan sentiasa tergendala. Malah ada yang hanya mula menyimpan ketika persaraan sudah sangat hampir. Sikap ini akan mengurangkan kuasa pengkompaunan. Tahukah anda, semakin lama anda menunda keputusan anda, maka semakin banyak yang perlu anda ketepikan untuk simpanan persaraan anda? Perbuatan berlengah-lengah ini sebenarnya melibatkan kos yang tinggi. Kemungkinan besar anda akan gagal menjana dana persaraan yang diperlukan.

Gabungan keempat-empat sikap yang dinyatakan di atas sering membantutkan hasrat anda untuk mengambil tindakan untuk menyimpan lebih bagi tujuan persaraan. Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, maka apa yang perlu dibuat adalah dengan mengenal pasti jenis halangan, seterusnya mengambil langkah-langkah yang tepat untuk menanganinya.

Dato' Steve Ong merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Pentadbir Pencen Swasta (PPA), Pentadbiran Pusat Skim Persaraan Swasta (PRS). Sebarang pandangan dalam artikel ini adalah hasil nukilan penulis sendiri. Ikuti Dato' Steve Ong di Facebook beliau.

KENALI PERBANKAN ISLAM

PEMBIAYAAN KENDERAAN

Perbualan di bawah membincangkan mengenai senario berkaitan pembiayaan kenderaan dalam perbankan Islam

Hafiz Maaruf

Salam En. Karim, saya nak tanya sedikit tentang pinjaman kereta. 10:09

Wassalam Hafiz, apa yang boleh saya bantu? Awak nak tanya tentang pinjaman atau pembiayaan? 10:10

Oh, ada beza ke? 10:11

Ada perbezaanya, konsep pnjaman dalam Islam merujuk kepada Qard maksudnya kalau bank beri pinjaman RM10k pada awak, awak wajib bayar semula RM10k. 10:11

Tapi kalau pembiayaan perbankan Islam bayaran semula awak kepada bank ada dua elemen iaitu RM10k (Prinsipal) + Caj keuntungan. 10:12



Ini adalah kontrak pembiayaan kenderaan, AITAB (sewa-beli) yang lazim digunakan dalam perbankan Islam. 10:14

Oh begitu. Katakan saya tak mampu bayar duit kereta, kereta saya kena tarik tak? 10:15

Katakan awak tertunggak bayar selama 2 bulan, bank akan keluarkan notis penarikan kereta. Dalam masa 21 hari, awak perlu lunaskan semua bayaran tertunggak. 10:16

Tapi, kalau saya memang tak mampu bayar juga selepas 21 hari itu, apa akan jadi? 10:17

Kalau tak mampu nak bayar selepas tempoh itu, saya sarankan awak pulangkan kereta tu kepada bank. Kalau tidak, awak kena tanggung kos untuk bank tarik kereta itu. 10:18

Macam mana nak dapat balik kereta kalau sudah ditarik? 10:19

Selepas awak bayar semua tunggakan serta caj kelewatan, awak akan dapat balik kereta awak. Jangan tunggu lama sangat, nanti bank lelong pula kereta itu. 10:20

Caj kelewatan tu apa? 10:21

Caj kelewatan itu ada dua bahagian:
1. 1% Ta'widh (Ganti rugi atas kelewatan pelanggan)
2. Gharamah (penalti yang bank salurkan ke badan-badan kebajikan) 10:22

Apa akan jadi kalau saya tak mampu jelaskan tunggakan + caj kelewatan? 10:24

Bank akan melelong kereta awak. Sekiranya hasil lelongan lebih tinggi dari jumlah tunggakan, awak berhak mendapat lebihan tersebut. 10:26

Kalau begitu lebih baik saya biar kereta dilelong supaya saya boleh mendapat lebihan tersebut. 10:29

Tapi kalau jumlah lelongan tidak cukup untuk menampung tunggakan awak dengan bank, awak sendiri yang perlu tambah. 10:31

Tapi kalau saya memang tidak mampu nak jelaskan tunggakan dengan pihak bank? Apa kesannya? 10:33

Tunggakan akan menjejaskan rekod CCRIS awak dan menyebabkan:
1. Sukar untuk mendapatkan pembiayaan di masa hadapan.
2. Pembiayaan yang diterima mungkin lebih mahal.
3. Nama awak akan disenarai hitam oleh bank. 10:34

Sekarang ni dah banyak maklumat tentang perbankan Islam dalam internet. Antaranya:
1. **https://www.akpk.org.my**
2. **https://www.imoney.my** 10:38

Terima kasih. Banyak yang saya pelajari hari ini. 10:42

Type a message

Disediakan oleh: Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia

Lebih 64,247 penduduk luar bandar berjaya ditawan 'MobileLINK'



MobileLINK atau 'Perkhidmatan LINK Bergerak' yang dirasmikan pada 9 Disember 2011 oleh mantan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, membuktikan bahawa Bank Negara Malaysia telah mengorak langkah mendekatkan diri dengan masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar dengan rangka **program rangkuman kewangan** yang lebih efisien.



Selaras dengan aspirasi Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan tentang rangkuman kewangan kepada masyarakat luar bandar, maka wujudlah MobileLINK, hasil cetusan idea Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah.

Sebelum kembara MobileLINK meneruskan ekspidisi menjelajah kawasan-kawasan luar, pasukan MobileLINK akan membuat kajian terlebih dahulu terhadap sebarang maklumat berkaitan masalah isu kewangan, isu berkaitan insurans dan takaful dan lain-lain isu, termasuklah isu skim cepat kaya, pengambilan wang secara haram dan sebagainya yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

Kajian tersebut memudahkan pasukan MobileLINK untuk merangka program yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat bagi menangani isu-isu yang berkaitan.

Program rangkuman kewangan ini berjalan dengan kolaborasi dari lain-lain agensi seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Majlis Daerah, Amanah Ikhtiar Malaysia, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP). Peserta akan diberikan penerangan oleh pihak AKPK berkaitan pendidikan kewangan iaitu tentang penggunaan kredit secara bijak serta asas pengurusan wang dan tanggungjawab dalam menguruskan kredit. Ia akan membantu peserta untuk lebih memahami risiko yang terlibat dalam menguruskan kewangan dan akan memudahkan dalam membuat keputusan kewangan yang lebih baik.



Melalui program ini, masyarakat setempat diberi pengetahuan mengenai perkhidmatan asas perbankan, insurans dan pengurusan kewangan selain pendedahan mengenai jenayah kewangan seperti skim cepat kaya, pelaburan haram dan penipuan kewangan.

Malah, MobileLINK telah bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara untuk memberi penerangan berkaitan dengan persediaan sebelum dan selepas berlakunya bencana alam seperti banjir, termasuklah maklumat-maklumat berkaitan jenis-jenis bantuan yang disediakan oleh Jabatan kebajikan Masyarakat dan perlindungan insurans dan takaful bencana alam.



Sejak dilancarkan, lebih daripada 64,000 penduduk luar bandar daripada 403 mukim termasuk Sabah dan Sarawak telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan oleh MobileLINK. Hasil kaji selidik yang dijalankan, didapati lebih 95% daripadanya berpuas hati dengan perjalanan keseluruhan program.

Di samping itu, sepanjang tempoh MobileLINK ini dilaksanakan, ia berjaya menarik minat orang ramai membuat transaksi perbankan sebanyak 7,987 transaksi dengan jumlah keseluruhan mencecah RM17 juta. Antara transaksi yang menjadi perhatian adalah pembukaan akaun, pembelian sijil premium, permohonan pinjaman dan sebagainya

Program sebegini dapat memberi impak yang positif kepada penduduk, terutama di kawasan terpencil, dengan memberi peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam sistem kewangan secara langsung. Malah yang penting, masyarakat bukan sahaja berpengetahuan dalam pengurusan kewangan tetapi mereka lebih arif dan bijak dalam menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik. Pengetahuan ini diharapkan dapat menyumbang kepada keseimbangan dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan ke arah pembangunan negara yang lebih stabil.



Antara perkhidmatan yang disediakan oleh MobileLINK untuk orang ramai dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS):

- maklumat asas mengenai perkhidmatan perbankan;
- memberi nasihat berkaitan perbankan, insuran dan takaful serta pembiayaan PKS;
- mendapatkan maklumat mengenai laporan kredit melalui CCRIS;
- mendapatkan maklumat mengenai bank dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengannya secara layan diri melalui terminal sesawang yang disediakan di dalam koc; dan
- mendapatkan nasihat tentang hal-hal kewangan dan yang berkaitan dengannya di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia.



MobileLINK akan terus melangkah perjalanannya setiap tahun dan terus memberikan keutamaan yang tinggi dalam merealisasikan usaha untuk memajukan agenda rangkuman kewangan negara.

Telefon: 1-300-88-5465 | SMS kepada 15888: BNM TANYA [pertanyaan anda]
E-mel: bnmtelelink@ bnm.gov.my

Disediakan oleh: Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia

Apa Yang Anda Perlu Tahu Untuk Menjadi Pengguna Kewangan Yang Bijak

Bahagian 3



PIDM: MoneySmart 123

PIDM *MoneySmart 123* bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna kewangan mengenai pelbagai produk dan penyedia perkhidmatan kewangan, risiko yang berkaitan dengan setiap produk dan juga hak-hak mereka sebagai pengguna kewangan. **PIDM *MoneySmart* 123** mengandungi tip-tip yang mudah diikuti yang boleh membantu anda menjadi pengguna kewangan yang bijak. Langkah-langkahnya seperti berikut:

- Langkah 1: Ketahui Produk Kewangan Anda
- Langkah 2: Ketahui Risiko Kewangan Anda
- **Langkah 3: Ketahui Hak Kewangan Anda**

Pada keluaran sebelum ini, PIDM telah membincangkan Langkah 1 serta Langkah 2, iaitu Ketahui Produk Kewangan Anda dan Ketahui Risiko Kewangan Anda. Bagi keluaran kali ini, PIDM akan membincangkan langkah seterusnya, iaitu Ketahui Hak Kewangan Anda.

Langkah 3: Ketahui Hak Kewangan Anda

Sudah pasti dalam urusan seharian, anda akan menggunakan perkhidmatan kewangan. Oleh itu, ada baiknya anda mengetahui langkah-langkah yang sepatutnya diamalkan, sekiranya berlaku sebarang masalah dalam perkhidmatan kewangan tersebut.

A. Sentiasa Lebih Peka Terhadap Kewangan

Uruskan kewangan anda



Lengkapkan diri anda dengan maklumat tentang pengurusan kewangan agar anda dapat membuat pilihan kewangan yang bijak dan mengelakkan kesilapan yang biasa berlaku dalam pengurusan kewangan. Sebagai contoh, anda hendaklah sentiasa memastikan bahawa anda berbelanja mengikut kemampuan anda. Sekiranya anda membelanjakan lebih banyak wang daripada yang disimpan, atau anda menanggung hutang yang besar, anda mungkin memikul beban kewangan yang akan terus menghantui anda. Anda juga boleh membantu diri anda daripada membuat keputusan kewangan yang tidak baik atau mengelakkan penipuan dengan melakukan semakan asas sebelum anda menyerahkan wang anda kepada mana-mana pihak.

Hak dan tanggungjawab anda

Ketahui hak dan tanggungjawab anda apabila berurusan dengan sesuatu produk dan entiti kewangan kerana ini boleh membantu mengelakkan beberapa masalah

Bagaimana Sistem Insurans Deposit berfungsi:



Untuk maklumat lanjut, hubungi **1-800-88-1266** atau layari **www.pidm.gov.my**

Bagaimana Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans berfungsi:



Perhatikan tanda keahlian ini untuk mengetahui sama ada pengendali takaful atau syarikat insurans anda merupakan ahli penginsurans PIDM.

Anda membeli sijil takaful atau polisi insurans

PIDM akan memenuhi tuntutan manfaat takaful dan insurans anda sehingga had tertentu.

Untuk maklumat lanjut, hubungi **1-800-88-1266** atau layari **www.pidm.gov.my**

yang biasa berlaku. Anda dinasihatkan agar menyimpan rekod urus niaga kewangan dan penyata akaun anda, dan sekiranya boleh, merekodkan perbualan dengan penyedia perkhidmatan kewangan anda. Ini adalah supaya anda boleh menyokong kes anda dengan dokumen-dokumen berkaitan sekiranya terjadi sebarang pertikaian.

Perlindungan PIDM

Apabila memilih produk kewangan yang ditawarkan oleh bank, penyedia takaful atau syarikat insurans, minta penjelasan mengenai perlindungan PIDM. PIDM merupakan agensi Kerajaan yang melindungi anda daripada kehilangan simpanan bank anda sehingga RM250,000 sekiranya sesebuah bank ahli menjadi muflis.

Di samping itu, PIDM melindungi anda daripada kehilangan manfaat takaful dan insurans anda sehingga RM500,000. Sekiranya sesebuah ahli penginsurans menjadi muflis, PIDM akan memenuhi tuntutan manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful atau polisi insurans anda. Bagaimanapun, perlindungan PIDM tidak termasuk kerugian akibat kecurian, penipuan atau rompakan.

Oleh yang demikian, penting untuk anda mengetahui simpanan deposit dan manfaat takaful atau insurans yang mana dilindungi oleh PIDM untuk membolehkan anda membuat keputusan kewangan bermaklumat.

B. Mendapatkan Bantuan



Sekiranya anda memerlukan bantuan mengenai hal-hal kewangan, terdapat pelbagai agensi kerajaan dan organisasi pengguna yang boleh anda hubungi. Antara badan-badan ini ialah Bank Negara Malaysia (BNM), Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau- FMB), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Ketahuilah peranan dan tanggungjawab setiap organisasi tersebut. Anda perlu mempunyai maklumat yang lengkap untuk membolehkan anda membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat, serta membantu anda sekiranya anda menghadapi masalah berkaitan kewangan.



Ambil tindakan segera sekiranya anda menghadapi masalah kewangan dan dapatkan bantuan daripada pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengetahui hak-hak dan pilihan anda. Sekiranya anda menjadi mangsa penipuan sesebuah skim pelaburan atau skim cepat kaya, jangan berasa malu atau takut untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa. Operasi tidak sah sedemikian biasanya dijalankan secara teliti dan mudah untuk dipercayai. Ia agak sukar untuk membezakan antara peluang kewangan sebegini dan pelaburan yang sah. Anda perlu membuat laporan dengan segera dan memberikan sebanyak mungkin maklumat bagi membantu pihak berkuasa menjalankan siasatan.



Anda boleh mendapatkan maklumat berguna dan panduan praktikal yang lain daripada pautan berikut:

- www.pidm.gov.my
- www.fomca.org.my
- www.bnm.gov.my
- www.bankinginfo.com.my
- www.insuranceinfo.com.my
- www.fmb.org.my
- www.akpk.org.my

Sumber: Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) atau layari laman sesawang www.pidm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah pengguna kewangan yang lebih bijak



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.

MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.

BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.

MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.

MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play